



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA
MEI 2026**

**Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 8.4 peratus
pada Mei 2026, meneruskan momentum positif
dalam kesemua sektor**

PUTRAJAYA, 9 JULAI 2026 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 8.4 peratus tahun ke tahun pada Mei 2026, meneruskan momentum positif dalam kesemua sektor. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPP), MALAYSIA MEI 2026** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, DOSM menyatakan bahawa, “Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 8.4 peratus pada Mei 2026, selepas mencatatkan pertumbuhan 8.2 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh sektor Pembuatan yang meningkat 6.6 peratus (April 2026: 8.3%), di samping pengeluaran sektor Perlombongan yang melonjak 19.8 peratus (April 2026: 6.8%). Selain itu, sektor Elektrik bertumbuh 4.2 peratus (April 2026: 10.5%). Berbanding bulan sebelumnya, IPP kembali bertumbuh sebanyak 1.3 peratus berbanding negatif 3.4 peratus yang direkodkan pada April 2026.”

DOSM mengulas lanjut, “Pengeluaran sektor Pembuatan pada Mei 2026 didorong terutamanya oleh pertumbuhan industri berorientasikan eksport yang meningkat 8.8 peratus berbanding 8.5 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal yang terus mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 17.0 peratus. Di samping itu, Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis turut meningkat 7.8 peratus. Pertumbuhan tahun ke tahun industri berorientasikan eksport adalah selari dengan prestasi eksport barangan perkilangan negara pada bulan tersebut. Berbanding bulan

sebelumnya, industri berorientasikan eksport kembali mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.7 peratus selepas merekodkan negatif 8.7 peratus pada April 2026.

Selain itu, industri berorientasikan domestik berkembang secara sederhana sebanyak 2.0 peratus berbanding peningkatan 8.0 peratus yang dicatatkan pada April 2026. Pertumbuhan berterusan ini didorong terutamanya oleh momentum stabil yang direkodkan dalam Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan; dan Pembuatan logam asas, yang masing-masing meningkat 4.5 peratus dan 7.3 peratus. Berbanding bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik mencatatkan penurunan 4.6 peratus berbanding pertumbuhan positif 5.3 peratus pada bulan sebelumnya.”

DOSM memaklumkan bahawa, “Sektor Perlombongan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 19.8 peratus pada Mei 2026, didorong oleh peningkatan pengeluaran Gas Asli sebanyak 37.4 peratus (April 2026: 16.6%). Sementara itu, pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat merekodkan penyusutan sebanyak 0.7 peratus (April 2026: -6.4%). Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan merosot 2.2 peratus selepas mencatatkan penurunan sebanyak 1.6 peratus pada bulan sebelumnya. Selain itu, penjanaan Elektrik bertumbuh 4.2 peratus tahun ke tahun pada Mei 2026 (April 2026: 10.5%). Dari segi perbandingan bulanan, indeks Elektrik bertumbuh 1.3 peratus (April 2026: 2.1%).”

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara bertumbuh sederhana pada Mei 2026 termasuk Singapura (13.0%); dan Taiwan (11.8%); dengan peningkatan direkodkan di China (4.5%); Amerika Syarikat (1.7%); dan diikuti oleh Vietnam (10.1%). Sebaliknya, Thailand (-0.8%); Japan (-1.7%); dan Korea Selatan (-0.9%) mengalami kemerosotan pada bulan ini.


Merumuskan kenyataan mengenai prestasi IPP bagi lima bulan pertama pada tahun ini (Januari – Mei 2026), DOSM berkata, “IPP meningkat 5.7 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2025 dengan menunjukkan pengembangan dalam indeks sektor Pembuatan pada 6.4 peratus; diikuti indeks Perlombongan mencatatkan 2.8 peratus dan indeks Elektrik iaitu 6.1 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, Mei 2025 - Mei 2026




Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia Mei 2025 - Mei 2026




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
April 2026 dan Mei 2026**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Mei 2025 - Mei 2026



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, April 2026 dan Mei 2026



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, April 2026 dan Mei 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
9 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA MAY 2026

The Industrial Production Index up 8.4 per cent in May 2026, sustaining a positive momentum in all sectors

PUTRAJAYA, 9TH JULY, 2026 – The Industrial Production Index up 8.4 per cent year-on-year in May 2026, sustaining a positive momentum in all sectors. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **INDUSTRIAL PRODUCTION INDEX (IPI), MALAYSIA, MAY 2026**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, DOSM stated that, “The Industrial Production Index (IPI) rose by 8.4 per cent in May 2026, following a growth of 8.2 per cent in the preceding month. The output growth in the Manufacturing led the way, with an increase of 6.6 per cent (April 2026: 8.3%) coupled with the climbed by 19.8 per cent in the production of the Mining sector (April 2026: 6.8%). Moreover, the Electricity sector grew by 4.2 per cent (April 2026: 10.5%). In comparison to the previous month, the IPI turnaround to 1.3 per cent as against negative 3.4 per cent recorded in April 2026.”

The DOSM further commented, “The production of Manufacturing sector in May 2026 was primarily spurred by growth in export-oriented industries at 8.8 per cent, compared to 8.5 per cent registered in the previous month. This increased was predominantly observed in the Manufacture of computer, electronics & optical products which remained double-digit growth by 17.0 per cent. In addition, the Manufacture of coke & refined petroleum products also increased by 7.8 per cent. The year-on-year expansion of export-oriented industries mirrored the growth in the country's export of manufactured goods during this month. On a month-on-month comparison, the export-oriented industries turnaround by 5.7 per cent from negative 8.7 per cent growth in April 2026.

Additionally, the domestic-oriented industries grew modestly by 2.0 per cent as opposed to the increase of 8.0 per cent registered in April 2026. The sustained growth

was particularly induced by the stable momentum recorded in Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment; and the Manufacture of basic metals which registered an increases of 4.5 per cent and 7.3 per cent, respectively. In comparison with the preceding month, the domestic oriented industries decreased by 4.6 per cent as against a positive 5.3 per cent registered in the previous month.”

Elaborating further, DOSM informed that, “The robust growth of 19.8 per cent in the Mining sector in May 2026 was due to the accelerated in Natural Gas output by 37.4 per cent (April 2026: 16.6%). Furthermore, the Crude Oil & Condensate production recorded a decrease of 0.7 per cent (April 2026: -6.4%). As compared to the previous month, the Mining index decreased by 2.2 per cent after registering a negative growth of 1.6 per cent in the preceding month. Moreover, the generation of Electricity grew by 4.2 per cent year-on-year in May 2026 (April 2026: 10.5%). On a month-on-month basis, the Electricity index grew by 1.3 per cent (April 2026: 2.1%).”

On a global scale, the IPI for several countries slower growth in May 2026, including Singapore (13.0%); and Taiwan (11.8%); with increased seen in China (4.5%); United States (1.7%); and followed by Vietnam (10.1%). Conversely, Thailand (-0.8%); Japan (-1.7%); and South Korea (-0.9%) experienced a downturn during this month.


Summarising statement on the IPI performance for the first five months of this year (January – May 2026), the DOSM said, “The IPI increased by 5.7 per cent compared to the same period in 2025, with the Manufacturing sector indices showing an expansion of 6.4 per cent; followed by Mining index showed of 2.8 per cent; and Electricity sector at 6.1 per cent.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
May 2025 – May 2026**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
May 2025 – May 2026**




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia, April 2026 and May 2026







Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, May 2025 – May 2026



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,
April 2026 and May 2026**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
April 2026 and May 2026**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 JULY 2026**